

**TEMA**  
**2**
**Bersih Selalu, Sihat Sentiasa**
**Sistem Bahasa (Kertas 1)**
**Bahagian A**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih jawapan paling sesuai.



- 1 Seseorang yang mengalami \_\_\_\_\_, berkemungkinan akan melakukan tindakan yang tidak sewajarnya apabila berseorangan.  
 A kegagalan                      C kesempitan  
 B kelemahan                      D kemurungan
- 2 Nasihat yang diberikan oleh guru perlu dijadikan sebagai \_\_\_\_\_ dalam hidup bagi memastikan kita tidak melakukan kesilapan.  
 A jalan                              C panduan  
 B lorong                            D penunjuk
- 3 \_\_\_\_\_ teknologi dalam kalangan remaja kini boleh membawa pelbagai masalah pada masa depan.  
 A Pembelian  
 B Pengamatan  
 C Penggunaan  
 D Penyalahgunaan
- 4 \_\_\_\_\_ kesihatan secara berkala perlu dibuat bagi memastikan sebarang penyakit berbahaya dapat dikesan dengan lebih awal.  
 A Penjagaan  
 B Pendidikan  
 C Peperiksaan  
 D Pemeriksaan

**Bahagian B**

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Cara duduk yang tidak betul boleh menyebabkan posture tulang belakang menjadi terganggu.  
 \_\_\_\_\_
- 2 Remaja yang bersikap anti sosial akan menyebabkan mereka tidak mempunyai rakan.  
 \_\_\_\_\_
- 3 Zambri dimarahi oleh Ganesh kerana masih terkial-kial untuk memuat turun aplikasi itu ke dalam telefon bimbitnya.  
 \_\_\_\_\_
- 4 Program anti-dadah perlu diperluas di peringkat sekolah rendah bagi mendidik kanak-kanak agar menjauhinya.  
 \_\_\_\_\_